

**'Peristiwa berdarah' kenyataan TPM adalah peringatan, kata presiden MCA  
Malaysian Insider  
July 6, 2014**

Datuk Seri Liow Tiong Lai berkata kenyataan Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin bahawa kemungkinan rusuhan kaum berlaku dalam negara merupakan satu 'peringatan' supaya rakyat tidak mengambil mudah keamanan yang ada.

Sambil menepis soalan jika beliau menyokong pandangan tersebut, Presiden MCA itu berkata rakyat Malaysia perlu bersatu menentang ekstremis dan kumpulan militan.

"Saya tidak mahu berkata jika saya setuju atau tidak setuju. Tetapi kenyataan timbalan perdana menteri itu adalah peringatan kepada semua," katanya kepada wartawan selepas menghadiri pembukaan Pameran Foto MH370 di sebuah pusat beli-belah di Kuala Lumpur.

Liow berkata setiap orang sedang bekerja keras ke arah Malaysia yang lebih baik, namun ekstremis mengambil segala kesempatan untuk menggoncangkan negara.

"Kenyataan timbalan perdana menteri akan mengingatkan semua bahawa perpaduan bukannya datang dengan mudah," kata Menteri Pengangkutan itu.

Akhbar milik Umno, Utusan Malaysia semalam melaporkan amaran Muhyiddin bahawa Malaysia mungkin akan menyaksikan satu lagi 'peristiwa berdarah' jika tiada usaha mengekalkan keharmonian antara kaum.

"Itulah sebabnya pelbagai andaian timbul apabila pertalian antara kaum menjadi tegang dan lemah. Ini boleh membawa kepada insiden tersebut dan saya tidak mahu menyebut tarikh itu (13 Mei 1969)," kata Muhyiddin dipetik akhbar tersebut, dengan rusuhan kaum 1969 disebut dalam laporan yang sama.

Muhyiddin turut menunjukkan kebimbangan terhadap kutukan yang didakwa dilemparkan kepada kaum Melayu dan Muslim baru-baru ini.  
– 6 Julai, 2014.

- See more at:  
<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/peristiwa-berdarah-kenyataan-tpm-adalah-peringatan-kata-presiden-mca#sthash.tBK3TciG.dpuf>

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/peristiwa-berdarah-kenyataan-tpm-adalah-peringatan-kata-presiden-mca>